


NO SEBUTHARGA : MDTJP1/2019



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah, Perak.

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan dan perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	No. Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	Proton Saga	AGX 2009	1	6,000.00

2. Aset boleh dilihat pada 12 November 2019 di antara jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang di Perkarangan Tempat Letak Kereta Majlis Daerah Tapah.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No Sebutharga MDTJP1/2019 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :
- Unit Aset (Pelupusan),
Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Daerah Tapah,
Jalan Stesyen,
35000 Tapah, Perak.**
5. Tarikh tutup sebutharga pada 15 November 2019 jam 12 tengah hari. Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

.....
Hj Muhamad Sahlan Bin Husnin AMP,
Setiausaha
Majlis Daerah Tapah

Tarikh : 07/11/2019

SYARAT DAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank atas nama **MAJLIS DAERAH TAPAH**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat.
5. Majlis Daerah Tapah tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal, mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu daripada tarikh pemberitahu keputusan . Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas pembayaran dijelaskan . Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.